

Kesan Pandemik Covid-19 Terhadap Trajektori Ekonomi Malaysia

Impact of COVID-19 Pandemic towards Malaysia's Economic Trajectory

Aznan Hasan^{1,2}, Fatin Nadhirah Jamalolail^{①1,3}, Akbar Abd Rahman^{1,4},

Fauzi Ahmad¹, Izzul Amaris¹

¹Centre for Alternative Policies in Economics (CAPE)

²Institute of Islamic Banking & Finance (IliBF), International Islamic University Malaysia

³Asia School of Business

(^①Corresponding author: fatin.jamalolail@asb.edu.my)

⁴Renoir Consulting

ABSTRAK

Kajian ini meninjau kesan pandemik COVID-19 terhadap trajektori ekonomi Malaysia. Krisis kesihatan ini telah menyebabkan gangguan ekonomi dan sosial yang dahsyat apabila aktiviti ekonomi global hampir terhenti. Kos ekonomi yang tinggi dan pelbagai akibat pandemik COVID-19 termasuk penutupan perniagaan, peningkatan kemiskinan dan beban fiskal yang lebih besar. Pada masa yang sama, pandemik ini telah mempercepatkan kebangkitan ekonomi digital dan mendorong pertumbuhan ekonomi gig. Malaysia masih berpotensi untuk mendapatkan semula status ekonomi Harimau Asia walaupun dilanda pandemik. Namun, usaha ini harus dilakukan dengan polisi ekonomi negara yang komprehensif seiring dengan kestabilan politik negara.

KATA KUNCI

*Trajektori
Ekonomi,
Pandemik,
COVID-19,
Malaysia*

Received: March 31, 2022

Accepted: May 23, 2022

Published: May 31, 2022

ABSTRACT

This study examines the impact of the COVID-19 pandemic towards Malaysia's economic trajectory. The health crisis has caused devastating economic and social disruption as global economic activity came to a near-standstill. The high and varied economic costs of the COVID-19 pandemic include business closures, rising poverty and greater fiscal burden. At the same time, the pandemic has accelerated the rise of the digital economy and spurred the growth of the gig economy. Malaysia still has the potential to regain her Asian tiger economy status despite the pandemic and some other challenges.

KEYWORDS

Economic Trajectory, Pandemic, COVID-19, Malaysia

1.0 Pendahuluan

Pandemik COVID-19 yang mula tercetus di Wuhan, China pada penghujung tahun 2019 telah memberi kesan besar pada peringkat global. Krisis kesihatan ini membawa kepada krisis ekonomi yang paling teruk sejak Perang Dunia Kedua. Kajian ini meneliti kesan pandemik COVID-19 terhadap trajektori ekonomi Malaysia.

Sebelum pandemik COVID-19 melanda, Malaysia mengalami pertumbuhan ekonomi yang memberangsangkan walaupun berhadapan saingan sengit dari negara-negara jiran dalam memacu kemajuan ekonomi melalui pembangunan teknologi dan inovasi. Malaysia turut berhadapan dengan cabaran perubahan demografi populasi yang bakal membawa pelbagai implikasi seperti kekurangan tenaga buruh dan peningkatan perbelanjaan awam di masa hadapan.

Ekonomi Malaysia telah terjejas disebabkan oleh langkah perintah kawalan pergerakan (PKP) serta penutupan sempadan bagi mengawal penularan wabak COVID-19. Semua sektor ekonomi dan pelaburan asing di Malaysia menerima kesan negatif sehingga ramai penduduk mengalami pengurangan pendapatan malah kehilangan pekerjaan. Taraf sosioekonomi penduduk Malaysia berubah secara drastik dan memburukkan lagi masalah kemiskinan di Malaysia. Pendapatan negara juga telah berkurang sedangkan kerajaan menyediakan peruntukan yang besar bagi membendung pandemik COVID-19 serta merangsang semula aktiviti ekonomi negara. Hutang negara telah bertambah bagi menampung beban kewangan negara yang semakin besar akibat pandemik ini.

Pandemik COVID-19 telah memaksa perniagaan mengalihkan operasi mereka ke dalam talian menyebabkan peralihan pesat ke arah ekonomi digital. Selain itu, ekonomi gig juga berkembang pesat dengan menawarkan peluang pekerjaan kepada golongan yang kekurangan atau kehilangan pendapatan mahupun graduan baru yang sukar mendapat pekerjaan semasa tempoh ekonomi yang mencabar ini. Bagaimanapun, perkembangan ekonomi gig yang pesat menimbulkan beberapa isu seperti perlindungan sosial pekerja yang lemah, ketirisan dalam kutipan hasil kerajaan dan ini secara tidak langsung boleh menjejaskan pembangunan dan prospek tenaga mahir di Malaysia. .

Pelbagai usaha kerajaan merangkumi bantuan kepada rakyat yang terjejas akibat pandemik, pakej rangsangan ekonomi serta program vaksinasi boleh mengembalikan Malaysia ke atas landasan pertumbuhan ekonomi yang kukuh. Namun, Malaysia perlu melalui pelbagai cabaran lain seperti kestabilan kadar tukaran, pertumbuhan penduduk, prestasi pelaburan dan perbelanjaan penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta ketidakstabilan politik sebelum mencapai status negara berpendapatan tinggi.

2.0 Realiti dan Cabaran Ekonomi Malaysia Sebelum Pandemik COVID-19

Malaysia secara umumnya dikenali sebagai salah satu negara Harimau Asia (*Asian Tiger Economy*) kerana Malaysia telah mengalami kadar pertumbuhan dan perindustrian yang sangat tinggi sejak awal 1960-an dan 1990-an. Walaupun Malaysia menghampiri aspirasi untuk menjadi negara berpendapatan tinggi, kita masih lagi jauh ketinggalan jika dibandingkan dengan negara Asia yang lain seperti Hong Kong dan Singapura yang telah menjadi pusat kewangan antarabangsa yang terkemuka di dunia, manakala Korea Selatan dan Taiwan telah menjadi kuasa ekonomi dunia dalam pembuatan teknologi maklumat.


Tambahan lagi, Malaysia dilihat seakan-akan ketinggalan dalam pembangunan ekonomi jika dibandingkan dengan negara jiran yang sedang pesat membangunkan ekonomi domestik mereka terutamanya dalam sektor teknologi dan digitalisasi. Sebagai contoh, negara Vietnam semakin dikenali sebagai kuasa digital Asia Tenggara yang seterusnya (Nguyen & Vu, 2021). Indonesia pula akan membuka ibu negara yang baharu, Nusantara yang membawa aspirasi untuk menjadi pusat ekonomi Asia Tenggara yang baharu ("Indonesia names new capital that will replace Jakarta", 2022).

Industri teknologi dan inovasi merupakan pemacu penting dalam kuasa ekonomi global. Statistik pada tahun 2018 menunjukkan syarikat-syarikat gergasi teknologi telah mengaut pendapatan bersih yang lumayan seperti Apple sebanyak \$265.6 bilion, Amazon memperoleh \$232.9 bilion; syarikat induk Google, Alphabet, memperoleh \$136.8 bilion; Microsoft memperoleh \$110.4 bilion; dan Facebook memperoleh \$55.8 bilion. Lima syarikat ini sahaja membentuk lebih daripada \$801.5 bilion pendapatan bersih tahunan menyamai saiz Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) nominal Arab Saudi pada tahun 2018 (Kitchen, 2021). Roland Berger (2020) di dalam laporannya mengatakan bahawa teknologi dan inovasi adalah faktor penting yang memacu kemakmuran. Kebolehan sesuatu ekonomi atau negara untuk melakukan inovasi adalah komponen penting untuk menjana produktiviti, pembangunan dan kesejahteraan.

Oleh itu, negara-negara jiran yang lain semakin cepat mengejar dan mengambil peluang untuk membangunkan ekonomi mereka dari segi teknologi dan digitalisasi. Sebagai contoh, negara Vietnam menarik perhatian dunia dengan aliran masuk pelaburan langsung asing yang kuat. Kerajaan Vietnam mula membangunkan dasar berkaitan digital supaya perniagaan menyokong kerajaan dalam membangunkan kandungan digital dan ekonomi digital (Thu, 2019).

Malaysia memiliki strategi untuk menjadi negara terkemuka dalam pendigitalan pembuatan namun masih memerlukan pelaburan yang tinggi bagi meningkatkan infrastruktur dan kapasiti penyelidikan dan pembangunan (R&D) awam. Malaysia juga berhadapan dengan cabaran untuk menyatukan lebih 40 agensi dan institusi kerajaan dalam Sistem Inovasi Negara yang menyebabkan kekurangan hala tuju dalam agenda penyelidikan negara serta pelaksanaan polisi berkaitan pembangunan inovasi yang berpecah-belah (Global Trade and Innovation Policy Alliance, 2019).

Selain itu, fenomena perubahan demografi populasi juga adalah satu fenomena yang penting. Pada masa kini, majoriti penduduk Malaysia masih muda dan secara tidak langsung menandakan potensi negara mempunyai tenaga buruh yang besar dan produktif. Namun, Rajah 1 menunjukkan kadar pertumbuhan populasi yang produktif semakin menurun. Ini disebabkan oleh kadar kesuburan yang semakin menurun dan umur warga tua yang semakin panjang (Rabi, Mansor, Awang, & Kamarulzaman, 2019).



Rajah 1: Piramid populasi Malaysia, 1980 – 2050 (Rabi et al., 2019)

Perubahan dalam struktur populasi ini akan membawa kepada beberapa implikasi. Bilangan populasi kanak-kanak akan berkurangan dan pengurangan nisbah tanggungan muda (*young dependency ratio*) akan diambil alih oleh peningkatan nisbah tanggungan umur tua (*old age dependency ratio*). Dalam erti kata lain, menjelang tahun 2050, populasi warga tua yang berumur 65 tahun akan melebihi populasi kanak-kanak yang berumur 15 tahun dan ke bawah. Penuaan populasi menyebabkan potensi dividen demografi atau pertumbuhan ekonomi negara daripada peningkatan populasi usia bekerja mula menyusut. Pengurangan kadar penduduk usia bekerja bermakna hasil kutipan cukai semakin rendah manakala pertambahan warga emas meningkatkan perbelanjaan kerajaan berkaitan perkhidmatan penjagaan kesihatan serta keselamatan dan insurans sosial. Akhirnya, tekanan ke atas fiskal kerajaan semakin bertambah (Lai, 2020).

Mengambil kira situasi dan realiti yang berlaku sebelum pandemik COVID-19 melanda negara, ekonomi Malaysia berhadapan dengan pelbagai cabaran yang besar. Sekiranya tidak ada intervensi kerajaan yang jelas, Malaysia akan berhadapan dengan pelbagai risiko seperti tekanan dari segi fiskal dan perbelanjaan negara serta kesejahteraan penduduk pada masa akan datang.

3.0 Impak Pandemik COVID-19 terhadap Perniagaan dan Industri serta Pelaburan Asing

Perniagaan-perniagaan besar serta perusahaan-perusahaan kecil dan sederhana (PKS) berhadapan dengan pelbagai isu operasi semasa pandemik dari segi pengurusan pelanggan, rantai bekalan dan pekerja. Masalah operasi perniagaan semasa pandemik melibatkan pengurangan permintaan, kelewatan penerimaan bekalan dan bayaran, kelewatan dalam pemenuhan dan penghantaran barangan, serta infrastruktur teknologi yang terhad. Isu operasi ini telah menyebabkan gangguan dari segi aliran tunai dan daya maju perniagaan (Ernst & Young, 2020).


Menurut SME Corp. (2021), lebih daripada 70% PKS tidak beroperasi dan sekitar 60% dilaporkan tidak mempunyai pendapatan semasa PKP. Tidak sampai 40% PKS mampu bertahan selama tiga bulan dan 19% PKS mencatatkan kerugian sebanyak RM100,000 dan ke atas. Manakala sembilan syarikat multinasional telah menutup operasi mereka di Malaysia sejak Julai 2020. Kesemua syarikat terbabit terlibat dalam sektor tekstil, jentera dan besi, pembinaan, elektrik dan elektronik serta sektor kimia (Supramaniam, 2021).

Bank Negara Malaysia (2021) melaporkan bahawa semua sektor ekonomi mencatatkan pertumbuhan negatif pada tahun 2020 namun sesetengah sektor lebih terjejas berbanding sektor-sektor lain kerana lebih terkesan dengan sekatan pergerakan dan penutupan sempadan antarabangsa. Sesetengah industri juga menunjukkan pemulihan yang lebih lambat berbanding sesetengah industri lain kerana lebih bergantung kepada pekerja asing atau lebih terkesan dengan PKP.

Sektor pembinaan mencatatkan penguncupan pertumbuhan yang paling tinggi iaitu 19.4% diikuti oleh sektor perlombongan (10.0%) dan sektor perkhidmatan (5.5%) manakala sektor perkilangan dan pertanian menunjukkan penguncupan pertumbuhan yang paling rendah iaitu 2.6% dan 2.2%. Faktor-faktor lain seperti cuaca kering dan pengurangan penggunaan baja turut menjejaskan sektor pertanian selain daripada kekangan operasi dan tenaga buruh asing akibat langkah-langkah pembendungan pandemik (Bank Negara Malaysia, 2021).


Sebaliknya, industri kewangan Islam dan takaful kekal teguh malah mencatatkan pertumbuhan dengan pasaran yang semakin besar. Jumlah aset perbankan Islam meningkat sebanyak 9% kepada RM1,132.5 bilion pada akhir Julai 2021 mewakili 34.8% daripada keseluruhan pasaran. Jumlah pembiayaan terkumpul juga bertambah sebanyak 5.6% kepada RM831.6 bilion (Kementerian Kewangan, 2021).

Pandemik COVID-19 telah memburukkan prestasi Malaysia dalam pelaburan langsung asing (FDI). Pada tahun 2020, aliran masuk pelaburan asing hanya separuh daripada aliran masuk pada tahun 2019 iaitu sebanyak RM14.6 bilion berbanding RM32.4 bilion (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2021b). Rajah 2 menunjukkan bahawa Malaysia telah mengalami trend penurunan pelaburan langsung asing sejak 2017. Malaysia menerima pelaburan langsung asing tertinggi pada tahun 2016 sebanyak hampir RM50 bilion. Dari tahun 2017 hingga 2019, pelaburan asing menyusut kira-kira 40% (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2021b).



Rajah 2. Prestasi Pelaburan Langsung Asing di Malaysia, 2008-2020 (RM bilion)
(Jabatan Perangkaan Malaysia, 2021b)

Prestasi pelaburan asing Malaysia juga ketinggalan di belakang negara-negara ASEAN lain walaupun hampir semua negara-negara ASEAN menyaksikan kemerosotan pelaburan langsung asing semasa pandemik. Rajah 3 menunjukkan Singapura, Indonesia, Vietnam dan Filipina lebih menarik berbanding Malaysia bagi pelabur asing.



Rajah 3. Aliran FDI di Negara Anggota ASEAN, 2019-2020 (USD bilion) (ASEAN, 2021)

4.0 Ekonomi Digital dan Ekonomi Gig

Pelaksanaan PKP bagi membendung pandemik COVID-19 telah memaksa perniagaan untuk mengalihkan operasi daripada fizikal ke dalam talian. Banyak syarikat terpaksa menggunakan pendekatan kerja dalam talian. Menurut tinjauan Ernst & Young (2020), kira-kira 32% syarikat besar dan 30% PKS mengarahkan pekerja mereka untuk bekerja secara dalam talian dari rumah. Bagaimanapun, lebih dua pertiga responden berhadapan cabaran berhubung ketersambungan internet, alatan dan polisi bahagian sumber manusia (HR) dalam bekerja mengikut norma baharu.

Selain itu, penggunaan perkhidmatan digital semakin meningkat yang merangkumi perkhidmatan e-pembayaran, perniagaan dalam talian, perkhidmatan platform digital dan perkhidmatan kerajaan dalam talian. Kaedah pembayaran tanpa sentuhan melalui perkhidmatan e-pembayaran semakin diguna pakai secara meluas oleh penduduk Malaysia pada tahun 2020 berikutan peningkatan jumlah transaksi perbankan dalam talian sebanyak 49%, jumlah transaksi e-dompet sebanyak 131% manakala pendaftaran peniaga bagi penerimaan pembayaran kod QR meningkat sebanyak 164% (Kementerian Kewangan Malaysia, 2021).

Pandemik COVID-19 telah meningkatkan kepentingan aktiviti perniagaan dalam talian kerana penutupan kedai fizikal berikutan PKP dan amalan penjarakan fizikal yang mengehadkan pergerakan pengguna. Platform jualan runcit dalam talian semakin menjadi pilihan pengguna berbanding platform jualan runcit secara fizikal (Kementerian Kewangan Malaysia, 2021). Perkhidmatan digital seperti perkhidmatan profesional dan penghantaran makanan juga semakin popular dalam kalangan penduduk Malaysia kerana lebih mudah dan selamat. Misalnya, perkhidmatan penghantaran makanan di Malaysia telah naik sebanyak 44% pada tahun 2020 (Kementerian Kewangan Malaysia, 2021).

Transformasi digital berlaku dengan pantas semasa pandemik namun kebanyakan perniagaan berhadapan dengan pelbagai cabaran dan kesulitan. Sebanyak 83% syarikat besar dan 84% PKS mengalami masalah kesambungan internet dan komunikasi dengan pelanggan dan pembekal. Majoriti peniaga menyuarakan keperluan untuk infrastruktur komunikasi dan internet yang lebih baik (Ernst & Young, 2020).

Peningkatan penggunaan perkhidmatan platform digital serta kesukaran mendapatkan pekerjaan telah menggalakkan lebih ramai generasi muda menceburi pekerjaan gig dan bebas semasa pandemik (Nurafifah Suhaimi, 2020). Misalnya, Foodpanda melaporkan peningkatan sebanyak 7.5% penunggang baru dan 37% permohonan penunggang baru sewaktu PKP (Harizah kamel, 2021). Kini, seramai empat juta atau 26% tenaga buruh di Malaysia merupakan pekerja bebas (Sofea Azahar, 2020). Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sektorekonomi gig Malaysia pada tahun 2018 adalah 18.5% dan dijangka meningkat sebanyak 20% pada tahun 2020 (Nur Hanani Azman, 2021).

Trend ini adalah satu trend yang membimbangkan kerana pekerja yang bekerja di dalam sektor tidak formal tidak melaporkan hasil pendapatan mereka, justeru menyebabkan ketirisan di dalam hasil pendapatan cukai kerajaan. Trend ini turut menjejaskan pembangunan tenaga mahir kerana majoriti pekerjaan gig memerlukan kemahiran yang rendah. Selain itu, kebanyakan pekerja di dalam sektor ini tidak mempunyai perlindungan sosial (Nur Hanani Azman, 2021). Pertubuhan Keselamatan Sosial mendedahkan bahawa hanya 6.5% daripada 2.5 juta orang yang bekerja sendiri berdaftar di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja Sendiri 2017 [Akta 789] sehingga Jun 2021 (Kementerian Kewangan Malaysia, 2021).

5.0 Kesan Pandemik COVID-19 terhadap Sosioekonomi Penduduk Malaysia

PKP sedikit sebanyak melumpuhkan ekonomi negara dan memberi impak negatif yang besar kepada pendapatan penduduk Malaysia. Laporan Anggaran Pendapatan Isi Rumah dan Insiden Kemiskinan, Malaysia, 2020 yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia melaporkan kadar pengangguran meningkat kepada 4.5% pada tahun 2020 melibatkan seramai 711,000 individu. Kadar pengangguran semasa pandemik ini adalah kadar yang paling tinggi sejak tahun 1993. Secara purata, pendapatan bulanan kasar isi rumah menurun sebanyak 10.3% manakala median menunjukkan penurunan sebanyak 11.3% (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2021a).

Taraf sosioekonomi penduduk Malaysia berubah secara drastik ekoran pandemik COVID-19. Sebanyak 88.5% isi rumah pekerja bergaji daripada kumpulan T20 beralih kepada kumpulan M40 manakala 74.2% isi rumah pekerja bergaji beralih daripada kumpulan M40 kepada kumpulan B40. Kadar kemiskinan mutlak mencapai paras 8.4% pada tahun 2020, peningkatan sebanyak 2.8% pada tahun 2020 berbanding tahun sebelumnya. Sebanyak 638,000 isi rumah berada di dalam kemiskinan mutlak. Kadar kemiskinan tegar pula telah meningkat sebanyak 0.8% menjadikan 76,000 isi rumah di dalam kemiskinan tegar (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2021a).

Selain itu, inisiatif pengeluaran wang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) seperti i-Lestari dan i-Sinar dapat memberikan gambaran tentang kesusahan yang dialami oleh rakyat. Berdasarkan laporan yang diterbitkan oleh KWSP (2021), 93.2% ahli KWSP yang membuat pengeluaran mempunyai pendapatan kurang daripada RM4,000. Ini menandakan kebanyakan pekerja yang berpendapatan rendah lebih memerlukan bantuan dari segi kewangan kerana kekurangan simpanan untuk menampung kos sara hidup ketika pandemik. Kebanyakan ahli yang mengeluarkan simpanan persaraan mereka menggunakan simpanan tersebut untuk menampung perbelanjaan harian, membayar balik hutang atau pinjaman dan menampung kos pendidikan anak-anak ketika pandemik.

Sebelum pandemik COVID-19 melanda negara, ekonomi Malaysia telah menikmati kepesatan ekonomi yang secara umumnya telah merapatkan jurang kesenjangan pendapatan dalam kalangan penduduk Malaysia (Bank Dunia, t.). Namun apabila wabak COVID-19 tercetus pada tahun 2020, pekali GINI meningkat sebanyak 0.004 dari tahun 2019 ke tahun 2020 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2021a). Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia, peningkatan pekali GINI adalah disebabkan oleh penurunan pendapatan bagi kumpulan isi rumah 50% terbawah yang besar. Negeri yang mengalami peningkatan pekali GINI yang terbesar adalah Kelantan dengan peningkatan sebanyak 0.038. Manakala negeri yang

mengalami penurunan pekali GINI adalah Pulau Pinang, Sarawak, Wilayah Persekutuan Labuan dan Wilayah Persekutuan Putrajaya.

6.0 Beban Fiskal Dan Hutang Negara

Pandemik COVID-19 telah membawa krisis ekonomi yang mencabar pengurusan kewangan awam dan meningkatkan risiko fiskal negara. Kutipan hasil telah berkurang manakala perbelanjaan kerajaan telah meningkat dalam usaha mengawal penularan wabak dan merencanakan semula ekonomi negara.

Laporan kewangan menunjukkan hasil Kerajaan Persekutuan berkurang sebanyak 14.88% daripada RM264,415 juta pada tahun 2019 kepada RM225,075 juta pada tahun 2020. Sumber pendapatan utama negara seperti hasil cukai pendapatan syarikat telah menurun dengan ketara sebanyak RM13,686 juta (21.47%) kepada RM50,065 juta berbanding RM63,751 juta pada tahun 2019 disebabkan oleh beberapa langkah pengecualian cukai di bawah pakej rangsangan ekonomi dan sekatan operasi kerana PKP. Tambahan lagi, hasil cukai pendapatan petroleum menurun sebanyak RM8,011 juta (38.55%) berbanding tahun 2019 kerana penurunan harga petroleum mentah dunia (Akauntan Negara Malaysia, 2021).

Perbelanjaan pengurusan dan pembangunan negara berkurang semasa pandemik namun kerajaan telah menambah peruntukan khas dalam pelbagai pakej rangsangan ekonomi. Jumlah perbelanjaan mengurus berkurang sebanyak 14.71% daripada RM263.34 bilion pada tahun 2019 kepada RM224.60 bilion pada tahun 2020. Jumlah belanja pembangunan 2020 juga menurun sebanyak 5.19% daripada RM54.17 bilion kepada RM51.3 bilion (Akauntan Negara Malaysia, 2021).

Kerajaan telah melaksanakan lapan pakej rangsangan dan bantuan ekonomi sejak 2020 berjumlah RM530 bilion seperti PRIHATIN, PRIHATIN PKS+, PENJANA, KITA PRIHATIN, PERMAI, PEMERKASA, PEMERKASA+ dan PEMULIH (Kementerian Kewangan Malaysia, 2021). Walaupun jumlah yang besar diperuntukkan bagi kesemua pakej rangsangan ekonomi, perbelanjaan kerajaan melalui fiskal bagi setiap pakej secara relatifnya adalah rendah seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 4 dan Rajah 5.

7.0 Prospek Ekonomi Malaysia

Ekonomi global telah menguncup sebanyak 3.1% akibat pandemik COVID-19 namun dijangka kembali pulih menjelang 2021 dan kadar pertumbuhan sederhana pada tahun 2022. Program vaksinasi serta rangsangan fiskal dan dasar kewangan yang akomodatif dapat memastikan pembukaan semula ekonomi dan menambah baik sentimen dalam kalangan perniagaan dan pengguna sekali gus meningkatkan prospek pemulihan ekonomi global (Kementerian Kewangan Malaysia, 2021).

Pada tahun 2020, ekonomi Malaysia menyusut 5.6% berbanding pertumbuhan 4.4% pada tahun sebelumnya. Menjelang separuh pertama 2021, ekonomi Malaysia mencatatkan perkembangan sebanyak 7.1%. Kejayaan program vaksinasi serta pelbagai pakej rangsangan ekonomi mempengaruhi trajektori pertumbuhan ekonomi negara. Secara keseluruhan, ekonomi Malaysia dijangka berkembang antara 3% hingga 4% pada tahun 2021 dan 5.5% hingga 6.5% pada tahun 2022 (Kementerian Kewangan Malaysia, 2021).

Bank Dunia (2021) menjangka Malaysia akan beralih daripada ekonomi berpendapatan sederhana kepada ekonomi berpendapatan tinggi dalam tempoh lima tahun walaupun melalui kemelesetan ekonomi akibat pandemik COVID-19 pada tahun 2020. Tahap daya saing global Malaysia dilaporkan berada di tempat ke-25 pada tahun 2021 selepas meningkat dua kedudukan daripada tahun 2020. Bagaimanapun, Malaysia berdepan dengan cabaran getir dalam kestabilan kadar tukaran,

pertumbuhan penduduk, prestasi pelaburan dan perbelanjaan R&D serta ketidakstabilan politik (IMD World Competitiveness Center, 2021).

8.0 Kesimpulan

Pandemik COVID-19 telah menjejaskan pembangunan ekonomi Malaysia dan membuatkan trajektori pertumbuhan ekonomi negara tersasar daripada landasan. Pelbagai usaha kerajaan telah dilaksanakan bagi memacu ekonomi kembali ke trajektori pertumbuhan. Malaysia memiliki prospek ekonomi yang baik pasca pandemik COVID-19 namun perlu menangani pelbagai cabaran lain.

Penghargaan: Kami ingin mengucapkan terima kasih atas sokongan kewangan yang diberikan oleh IRIS Institute melalui Geran Kajian Strategik Impak Pandemik COVID-19 (GKS/08/2021).

Rujukan

- Akauntan Negara Malaysia. (2021). *Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan 2020*.
<https://www.anm.gov.my/arkib/terbitan/penyata-kewangan-kerajaan-persekutuan>
- ASEAN. (2021). *ASEAN Investment Report 2020-2021 – Investing in Industry 4.0*.
<https://asean.org/wp-content/uploads/2021/09/AIR-2020-2021.pdf>
- Bank Dunia. (2021). *Aiming High: Navigating the Next Stage of Malaysia's Development's Country Economic Memorandum*. <https://www.worldbank.org/en/country/malaysia/publication/aiminghighmalaysia>
- Bank Dunia. (t.). *Gini index – Malaysia*.
<https://data.worldbank.org/indicator/SI.POV.GINI?end=2015&locations=MY&start=1984&view=chart>
- Bank Negara Malaysia (2021). *Tinjauan Ekonomi dan Monetari 2020*.
https://www.bnm.gov.my/documents/20124/3026377/emr2020_bm_ch1_devts.pdf
- Berger, R. (2020). *The Roland Berger Trend Compendium 2050*. Roland Berger.
- Cheng, C. (2021). *Fiscal size matters (Pt. 2): Permerkasa Plus and Malaysia's economic stimulus packages*. Institute of Strategic & International Studies (ISIS) Malaysia.
<https://www.isis.org.my/2021/06/01/fiscal-size-matters-pt-2-permerkasa-plus-and-malaysias-economic-stimulus-packages/>
- Ernst & Young. (2020). COVID-19: Business impact survey. *Take 5 for business*, 8 (7).
https://www.ey.com/en_my/take-5-business-alert/covid-19-impact-on-malaysian-businesses
- Global Trade and Innovation Policy Alliance (2019). *National Innovation Policies: What countries do best and how they can improve*. <https://www2.itif.org/2019-national-innovation-policies.pdf>
- Harizah Kamel. (2021, January 1). *Food delivery services: From odd job to the most in demand*. The Malaysian Reserve. <https://themalaysianreserve.com/2021/01/01/food-delivery-services-from-odd-job-to-the-most-in-demand/>
- IMD World Competitiveness Center. *IMD World Competitiveness Yearbook*. (2021).
<https://www.imd.org/news/updates/2021-world-competitiveness-ranking/>
- Indonesia names new capital that will replace Jakarta. (2022, January 18). *The BBC*.
<https://www.bbc.com/news/world-asia-60037163>
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2021a). *Laporan Anggaran Pendapatan Isi Rumah dan Insiden Kemiskinan Malaysia 2020*.
https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cthemByCat&cat=493&bul_id=VTNHRkdiZkFzenBNd1Y1dmg2UUIrZz09&menu_id=amVoWU54UTI0a21NWmdhMjFMMWcyZz09
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2021b). *Statistik Pelaburan Langsung Asing di Malaysia 2020*.
https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cthemByCat&cat=322&bul_id=WjJ6NU94Z3haUHEzcUxMaEdVbVVBQT09&menu_id=azJjRWpYL0VBYU90TVhpcIByWjdMQT09
- Kementerian Kewangan Malaysia. (2020). *Belanjawan 2021 Tinjauan Fiskal dan Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan 2021*. <https://belanjawan2021.treasury.gov.my/index.php/ms/tf-2021>
- Kementerian Kewangan Malaysia. (2021). *Tinjauan Ekonomi 2022*.
<https://budget.mof.gov.my/2022/tinjauan-ekonomi/>
- Kitchen, K. (2021). The New Superpowers: How and Why the Tech Industry is Shaping the International System. *National Affairs*, 51. <https://nationalaffairs.com/the-new-superpowers-how-and-why-the-tech-industry-is-shaping-the-international-system>
- KWSP. (2021). *Social Protection Insight Vol 5*. Employees Provident Fund Malaysia.
<https://www.kwsp.gov.my/documents/20126/153714>
- Lai, W. S. (2020, November 30). *Isu penuaan penduduk wajar diberi perhatian*. Berita Harian. [Isu penuaan penduduk wajar diberi perhatian \(bharian.com.my\)](https://www.bharian.com.my)

- Nguyen, Q. & Vu, V. (2021, November 2). *Vietnam: Southeast Asia's Next Digital Powerhouse*. The Jakarta Globe. <https://jakartaglobe.id/opinion/vietnam-southeast-asias-next-digital-powerhouse>
- Nur Hanani Azman. (2021, November 18). *Time to formalise gig economy workers to avoid labour exploitation*. The Malaysian Reserve. <https://themalaysianreserve.com/2021/11/18/time-to-formalise-gig-economy-workers-to-avoid-labour-exploitation/>
- Nurafifah Suhaimi. (2020). *Gig economy – the future of work*. EMIR Research. <https://www.emirresearch.com/gig-economy-the-future-of-work/>
- Rabi, A., Mansor, N., Awang, H., & Kamarulzaman, N. D. (2019). *Longevity Risk and Social Old-Age Protection in Malaysia: Situation Analysis and Options for Reform*. Kuala Lumpur: Social Wellbeing Research Centre (SWRC).
- SME Corp. (2021). *Laporan Tinjauan PKS 19/20*. <https://www.smecorp.gov.my/index.php/my/component/content/article/191-laporan-tahunan/4323-sme-insights-2019-20>
- Sofea Azahar. (2020). *Make full use of the gig economy incentives*. EMIR Research. <https://www.emirresearch.com/make-full-use-of-the-gig-economy-incentives/>
- Supramaniam, R. (2021, Oktober 1). *9 syarikat multinasional ditutup sejak 14 bulan lalu, kata Azmin*. The Malaysian Insight. <https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/342570>
- Thu, T. (2019, February 8). *Vietnam can become the next digital powerhouse*. Vietnam Investment Review. <https://vir.com.vn/vietnam-can-become-the-next-digital-powerhouse-65663.html>